

Dihasilkan oleh Mikael 5E

Ayat

1. Gambar ini menunjukkan situasi di sebuah jalanraya yang sibuk.
2. Jalan raya ini kelihatan penuh sesak dengan kenderaan – kenderaan.
3. Ada kenderaan seperti teksi, bas, kereta, lori, van dan motosikal.
4. Saya fikir bahawa jalan raya ini riuh-rendah dengan bunyi kenderaan.
5. Ada dua orang murid yang sedang menyeberang jalanraya tanpa melihat ke kiri dan tidak menggunakan jejantas yang disediakan.
6. Saya fikir bahawa mereka tidak seharusnya melakukannya kerana mereka boleh dilanggar oleh kereta dan ini sangat merbahaya.
7. Di sebelah mereka, ada sebuah motosikal yang bergerak dengan laju.
8. Di belakang murid – murid yang sedang menyeberang itu ada sebuah parit yang besar.
9. Di dalam parit itu, ada beberapa orang budak yang sedang menangkap ikan kecil.
10. Mereka kelihatan gembira kerana mungkin mereka telah menangkap ikan yang banyak.
11. Ada seorang pegawai keselamatan yang sedang menyuruh budak – budak itu supaya meninggalkan tempat itu kerana terdapat papan tanda yang mengatakan ia merbahaya.

12. Pada pendapat saya, mereka tidak boleh menangkap ikan di situ kerana apabila air pasang, mereka akan mati lemas dan juga parit itu amat kotor.
  13. Di situ juga terdapat sebatang paip air di dalam parit besar itu.
  14. Ada seorang pemuda yang meniti paip itu untuk menyeberang jalanraya.
  15. Saya fikir bahawa perbuatannya salah kerana jikalau dia tergelincir, dia akan jatuh dan cedera. Dia patut menggunakan jejantas yang telah disediakan.
  16. Di belakang pemuda itu, ada seorang budak lelaki yang sedang memanjat pagar parit itu.
  17. Dia tidak seharusnya membuat begitu kerana dia boleh cedera.
  18. Pada fikiran saya kita mesti mematuhi arahan lalu lintas.
  19. Jikalau saya di sini, saya akan mengikut arahan lalu lintas.
  20. Beginilah situasi di keadaan sibuk dengan kenderaan dan orang ramai.
-





